

## Keperluan Penambahbaikan Pembelajaran *Rasm Uthmani* dan *Dabt al-Quran*

Aslam Farah binti Selamat<sup>1</sup>, Mohd Faizulamri bin Mohd Saad<sup>2</sup> & Hamdi bin Ishak<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>aslamfarah@kuis.edu.my, <sup>2</sup>faizam@ukm.edu.my & <sup>3</sup>hamdi@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>2&3</sup>Pensyarah kanan di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

### Abstrak

Penyelidikan ini merupakan kajian tahap kefahaman *dabt* al-Quran dalam kalangan pelajar semester 6, Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), dan Darul Quran (DQ), JAKIM. *Mushaf Imla'i* adalah salah satu versi al-Quran yang ditulis berdasarkan tulisan Arab standard. Ia juga dikenali sebagai *Rasm Imla'i* atau *Rasm Qiyasi*. Struktur *rasm* al-Quran (ortografi) dan *dabt* (tanda-tanda yang menentukan sebutan yang betul Al-Quran) dalam *Mushaf Imla'i* adalah berbeza dari *Mushaf Uthmani* disebabkan oleh beberapa faktor seperti penambahan huruf (*ziyadah*), pertukaran huruf (*badl*) dan sebagainya. Perbezaan beberapa aspek tersebut telah membawa kepada berlakunya kekeliruan dan kesilapan dalam membaca al-Quran. Oleh itu, tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti keperluan pelajar dalam penguasaan metode *rasm* dan *dabt* di samping memastikan individu dalam bidang al-Quran adalah mahir dalam ilmu ini. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif, di mana soal selidik telah diedar kepada sampel-sampel di pusat yang telah dikenal pasti. Ia juga berbentuk deskriptif bagi menjelaskan sesuatu kenyataan dengan menganalisis data daripada soal selidik yang diperolehi. Sebagai kesahan instrumen kajian ini, kajian rintis telah dijalankan di, Institut al-Quran Saidina Ali, Melaka. Hasil kajian mendapat pelbagai keperluan yang perlu dipenuhi bagi meningkatkan kefahaman ilmu ini dalam kalangan pelajar. Diharap pihak di institusi yang berkaitan mengambil cakna keperluan ini dalam meningkatkan penambahbaikan bagi membantu pelajar dalam memahami ilmu ini agar menjadi lebih mantap. Seterusnya, dapat membantu Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkepentingan dalam memastikan matlamat Pendidikan Islam dalam negara ini tercapai.

**Kata Kunci:** Pelajar, *Rasm Uthmani*, *Dabt*, Keperluan, Pembelajaran.

### Requirements to Improve Learning *Uthmani Script* and *Dabt al-Quran*

### Abstract

This research is a study on the level of understanding of *Dabt al-Quran* among students in Semester 6, Diploma in Tahfiz Al-Quran and Al-Qiraat, International Islamic University College Selangor (KUIS) and Darul Quran (DQ), JAKIM. *Mushaf Imla'i* is one of the Quranic versions written based on the standard Arabic script. It is also known as *Rasm Imla'i* or *Rasm Qiyasi*. The structure of the Quran script (orthography) and *dabt* (the symbols that define the proper Quranic term) in *Mushaf Imla'i* are different from *Mushaf Uthmani* due to several factors, such as the addition of the letters (*ziyadah*), the exchange of letters (*badl*) and so on. The difference in some of these aspects has led to confusion and error in the Quran recitation. Therefore, the purpose of this study is to identify the level of mastery of this methodology (*dabt*) among students in an effort to enhance understanding of this knowledge. This is a quantitative study. The questionnaires were distributed to all respondents in selected locations. This study also uses descriptive analysis to clarify a statement by analyzing data obtained from the questionnaires. In order to verify the instrument of this study, a pilot study was conducted in Saidina Ali Institute of Al-Quran, Malacca. The findings showed that there are various requirements that must be met to enhance the understanding of this knowledge among students. This study is expected to increase the mastery of Quranic knowledge among students, as well as to provide guidance to the community to master the Quranic knowledge more effectively. Furthermore, this study is also expected to assist the State Government and relevant agencies in realizing the goals of Islamic Education in this country.

**Keywords:** Student, *Uthmani Script*, *Dabt*, Needs, Learning

## 1. Pengenalan

Al-Quran al-Karim yang ditulis dengan *Rasm Uthmani* di zaman mutakhir ini telah tersebar dengan meluasnya ke seluruh dunia Islam. Ulama' telah mengambil perhatian, dengan melakukan kajian dan penjagaan yang teliti terhadap penulisan al-Quran yang ditulis oleh para sahabat r.a di hadapan Rasulullah s.a.w. (Al-Dibba':1999). Kaedah tersebut telah dibukukan oleh ulama' dalam beberapa bentuk bahawa Rasm Uthmani mempunyai enam usul seperti berikut: *al-Hazf, al-Ziyadah, al-Badl, al-Hamz, al-Fasl wa al-Wasl, Ma fi qiraatain kutiba ala ihdahuma* (Ahmad:1987).

Kesukaran untuk memahami ilmu *al-Dabt* sering menjadi masalah dan perbezaan pendapat kerana ia juga berlaku dalam perbincangan tentang *Rasm Uthmani* dalam pengkajian al-Quran (Zaenal:2014). Struktur *rasm* al-Quran (ortografi) dan *dabt* (tanda-tanda yang menentukan sebutan yang betul Al-Quran) dalam *Mushaf Imla'i* adalah berbeza dari *Mushaf Uthmani* disebabkan oleh beberapa faktor seperti penambahan huruf (*ziyadah*), pertukaran huruf (*badl*) dan sebagainya. Perbezaan beberapa aspek tersebut juga telah membawa kepada berlakunya kekeliruan dan kesilapan dalam membaca Al-Quran (Daud Ismail dan Asyraf Hj Ab Rahman:2016). Namun demikian, penguasaan ilmu Rasm ini bagi seorang yang menghafaz al-Quran memang tidak dapat dinafikan penting kerana boleh dikatakan setiap ahli masyarakat pada zaman moden ini merujuk ilmu ini pada orang yang ahli pada bidangnya. Tidak ketinggalan juga, mereka yang menghafaz al-Quran pada biasanya akan menjadi guru al-Quran dalam melaksanakan tugas yang sama seperti mana guru lain dalam mendidik para pelajar, tanggungjawab kepada rakan sejawat, masyarakat dan negara. Maka menyampaikan ilmu secara sukarela dan ikhlas semata-mata kerana Allah merupakan jihad yang paling tinggi pada pandangan Islam seperti mana yang dituntut dalam syariat Islam.

Kebanyakan pengajaran di peringkat tertinggi di Malaysia dijalankan secara kaedah visual dan auditori di mana pelajar banyak membaca serta menggunakan deria pendengaran serta perbincangan di dalam kelas (Rosniah Mustaffa: 2007). Teknik pembelajaran satu hala ini hanya melibatkan komunikasi antara pelajar dan pensyarah di mana pelajar hanya mendengar pengajaran daripada pensyarah dan seterusnya mencatat input-input pengajaran. Senario tersebut menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran bersifat satu hala, iaitu hanya melibatkan komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Dalam situasi seperti ini, pelajar hanya mendengar pengajaran daripada pensyarah dan mencatat isi kandungan pelajaran yang disampaikan. Selain itu, terdapat juga pensyarah yang hanya menggunakan kaedah kuliah untuk semua kelas tanpa berusaha mempelbagaikan kaedah mengikut kumpulan pelajar yang berbeza (Fadzilah: 2010). Hakikatnya, pelajar mempunyai gaya belajar yang berlainan, corak pengajaran dan pembelajaran juga perlu berubah seiring dengan peredaran masa dan zaman.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang digunakan oleh pensyarah boleh memberi impak kepada prestasi akademik pelajar. Suatu geran penyelidikan yang telah dijalankan oleh Profesor Madya Dr. Ishak Bin Baba (2009) mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kaitannya terhadap prestasi akademik pelajar UTHM. Kajian ini telah melibatkan 6 buah fakulti di UTHM iaitu FKAAS, FKEE, FKMP, FPTek, FPT dan FTMM. Seramai 267 responden terlibat yang mana terdiri daripada 184 pelajar sarjana muda dan 83 pensyarah. Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap pensyarah tentang sokongan proses pembelajaran dalam kelas adalah 74 % - 85 % bersetuju bahawa pensyarah memainkan peranan dan membantu semasa proses pembelajaran pelajar. Manakala persepsi pelajar terhadap diri mereka sendiri dalam proses pembelajaran menunjukkan 70 % - 87 % bersetuju bahawa mereka menggunakan pendekatan yang sesuai bagi meningkatkan kefahaman dalam proses pembelajaran.

Oleh itu, kaedah penyampaian dalam pembelajaran perlu di ambil perhatian dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memberi pendedahan kepada golongan penghafaz al-Quran yang secara langsung sebagai pemberi maklumat dan kefahaman terhadap pelbagai lapisan masyarakat sama ada di peringkat sekolah, di kalangan remaja mahupun warga emas dengan memberi pendedahan tentang sejarah penulisan, pengumpulan dan pembukuan *mashaf* al-Quran seterusnya membincangkan perkara yang berkaitan dengan *dabt* al-Quran serta mendedahkan perkara berkenaan *sab'ah ahruf* dan kepelbagaian wajah qiraat terkandung di dalam *Mashaf Rasm Uthmani*.

## **2. Latar Belakang Kajian**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Darul Quran (DQ) merupakan antara institusi di Malaysia yang menawarkan Program Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat. Ilmu yang berkaitan dengan *rasm* dan *dabt* akan dipelajari ketika para pelajar berada di semester ke empat dan lima pengajian. Mereka akan pelajari dalam dua matapelajaran yang berasingan. Oleh itu, responden yang dipilih adalah dari kalangan pelajar yang berada di semester 6 pengajian kerana mereka kesemuanya telah mempelajari ilmu yang ingin dikaji. Seorang yang menghafaz al-Quran seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi agar sentiasa kemaskini, menarik, bertenaga dan inspirasional. Ada kalanya masyarakat bertanya perkara melebihi sukatan pelajaran atau kurikulum yang tertera dalam buku teks. Sekiranya seorang huffaz itu berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan masyarakat untuk mengikuti lanjutan epistemologi disiplin tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya sorang huffaz itu dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan masyarakat. Masyarakat akan melihat dan menilai ilmu yang dipelajari adalah berguna untuk dirinya pada masa ini dan akan datang.

Demikian sebaliknya, jika seseorang huffaz itu gagal untuk menjawab pertanyaan masyarakat atau sentiasa menangguhkan jawapan, menyebabkan masyarakat kurang berkeyakinan kepada huffaz tersebut dan pembunuhan minat mereka untuk belajar. Tambahan pula, ilmu ini sangat penting bagi memelihara kesucian al-Quran daripada penyelewengan. Melihat kepada masa kini, ayat-ayat al-Quran sering ditulis, diukir dan digantung dimerata tempat, seperti di masjid, pejabat, rumah, dan sebagainya. Oleh itu, keperluan kepakaran ilmu ini penting bagi menyemak dan memastikan ayat-ayat yang tertulis itu adalah betul dan tepat seperti mana diwahyukan. Para huffaz yang menguasai ilmu ini akan dapat membaca al-Quran dengan baik dan mengurangkan kesalahan dalam pembacaan al-Quran disamping dapat memelihara al-Quran dari sebarang penyelewengan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu meningkatkan pengetahuan masyarakat dengan adanya penekanan dan pengukuhan pada para huffaz kerana mereka akan mampu mengaplikasikan dan menyampaikannya kepada masyarakat.

Melihat kepada senario tersebut, adalah amat wajar sekali kerajaan negeri mengambil inisiatif bagi menambah baik penguasaan dan kemahiran di kalangan para huffaz al-Quran. Usaha ini sangat penting demi memperkuuh dan memartabatkan agama Islam di bumi Malaysia ini pada masa akan datang.


## **3. Instrumen Kajian**

Rekabentuk kajian yang dipilih adalah bersifat kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Soal selidik yang diedarkan kepada pelajar semester 6 KUIS dan DQ, ini telah mendapat pengesahan 4 orang pakar yang berkaitan dengan bidang kajian. Kajian ini melibatkan seramai 115 orang pelajar yang berada ditahun akhir pengajian di KUIS dan DQ, yang mewakili 60 orang iaitu 52.2% responden dari KUIS, dan 47.8% daripada baki respondan iaitu seramai 55 orang adalah dari DQ. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soalselidik.

## **4. Dapatan Kajian**

Analisis Data yang dibuat adalah berdasarkan kepada maklumbalas responden terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para pelajar semester enam yang telah mempelajari matapelajaran *Rasm* dan *Dabt* al-Quran pada semester sebelumnya. Tema pula dibina dan disusun berdasarkan maklumbalas cadangan yang diberikan oleh responden. Secara umumnya, dapatan kajian telah dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif seperti frekuensi dan peratusan bagi menjelaskan item cadangan responden.

Jadual : Keperluan Responden Dalam Meningkatkan Kefahaman Terhadap Pembelajaran *Rasm Uthmani* dan *Dabt al-Quran*.



Jadual di atas menunjukkan taburan keperluan responden dalam meningkatkan kefahaman terhadap pembelajaran *Rasm Uthmani* dan *Dabt al-Quran*. Terdapat 92 responden daripada keseluruhan 115 responden yang memberikan cadangan untuk meningkatkan kefahaman dalam pembelajaran ilmu Rasm dan Dabt ini. Ini menunjukkan harapan dan permintaan yang sangat tinggi dalam memenuhi keperluan pelajar dalam meningkatkan kefahaman mereka. Mereka inilah yang mewakili suara cadangan bagi keseluruhan pelajar yang sedang mempelajari ilmu ini. Cadangan responden dalam setiap persoalan yang ditimbulkan agak berbeza. Setiap cadangan telah disusun dan diasingkan mengikut kesesuaian tema. Cadangan-cadangan ini sangat penting untuk diambil cakna bagi pihak yang terlibat agar kefahaman dalam ilmu ini dapat pertingkatkan dalam kalangan pelajar seterusnya masyarakat keseluruhananya.

#### a) Memperbanyak Buku Rujukan

Bagi tema berkaitan buku rujukan, terdapat sebahagian responden menyatakan cadangan ini perlu dilaksanakan membantu bagi meningkatkan kefahaman mereka dengan peratusan sebanyak 16% (n=15). Ada dikalangan responden yang mencadangkan supaya bahan rujukan diperbanyak samada perpustakaan mahupun dipasaran khususnya dalam Bahasa Malaysia. Mereka juga mencadangkan supaya kitab *Rasm* dan *Dabt* diperbaharui supaya diperbaiki kesalahan yang terdapat dalam buku pada cetakan lama.

#### b) Memperkemas Metodologi Pengajaran

Memperkemas metodologi pengajaran merupakan salah satu tema yang dipilih. Majoriti responden memberikan cadangan berkaitan tema ini dengan peratusan sebanyak 29% (n=26). Mereka mencadangkan supaya memperbanyak ulang kaji dan latihan didalam kelas, mempelajari dalam bentuk nota bergambar, dan diwujudkan nota mudah. Disamping itu, mereka mencadangkan supaya cara perlaksanaan kelas diperluaskan dan dipelbagaikan aktiviti seperti membuat lawatan diluar kelas, membuat kuiz, ditubuhkan kelab aktiviti kurikulum Rasm dan Dabt, mempelajari secara amali, ilmu ini dipraktikkan dengan lebih mendalam dengan mengaitkan teori dan praktikal, dan pembelajaran rasm dan dabt ini dikaitkan dengan sejarah perjuangan ulama' terdahulu supaya pelajar lebih bersemangat. Disamping itu, mereka juga mencadangkan agar pelajar memperbanyak pertanyaan ketika pensyarah mengajar didalam kelas serta murajaah pelajaran yang sudah diterangkan sebelumnya sangat membantu dalam kefahaman para pelajar. Responden juga mencadangkan agar jumlah kredit ditambah supaya pelajar lebih memahami ilmu Rasm dan Dabt dan menghadkan setiap pengajian yang akan diajar sebanyak 2 bab sahaja setiap kali pengajaran bagi pelajar dapat memahami dan mendalami dengan baik.

#### c) Memperbanyak Penganjuran Seminar Atau Bengkel

Penganjuran bengkel atau seminar juga merupakan antara perkara kedua terbanyak yang dicadangkan oleh responden dengan peratusan sebanyak 21% (n=19). Mereka mencadangkan supaya mengadakan pelbagai program bengkel, seminar dan wacana di masjid-masjid dan di pusat-pusat pengajian. Ada juga dikalangan

responden mencadangkan agar diadakan kelas talaqqi dan daurah disamping menjadikannya sebagai matapelajaran wajib bagi pelajar yang menyambung pengajian dalam bidang agama.

*d) Meningkatkan Kemahiran Guru / Tenaga Pengajar*

Kemahiran dan kaedah pengajaran guru dan tenaga pengajar merupakan antara perkara yang dititik berat oleh responden. Sebanyak 19% (n=17) daripada responden berharap agar perkara ini dapat ditambah baik. Mereka juga berharap agar guru yang berprofesional, berkemahiran, berpengalaman dan berkeahlian dalam bidang yang mengajar akan mereka berkaitan ilmu ini. Ada dikalangan mereka mencadangkan supaya guru yang mengajar perlu mengajar ilmu ini dengan lebih teliti, dan mudah difahami disamping memberikan penjelasan dengan menggunakan alat bantuan mengajar seperti slide, papan hitam, nota ringkas, kuiz uji ingatan dan kefahaman & permainan yang sesuai agar sesi pembelajaran agar sesi pembelajaran tidak bosan & merangsang minat belajar. Mereka juga mencadangkan supaya guru yang mengajar melantangkan suara ketika mengajar, selain mengadakan aktiviti pembentangan dalam kelas setelah menerangkan kepada pelajar supaya pelajar dapat menambah kefahaman. Pensyarah juga dicadangkan agar dapat mengajar dari kulit hingga ke kulit tanpa "skip" mana-mana mukasurat dalam kitab *Dabt* dan *Rasm* pada masa akan datang.

*e) Mempeluaskan Penyebaran Ilmu Ke Masyarakat Umum*

Disamping itu juga, sebanyak 12% (n=11) daripada responden yang merasakan ilmu ini perlu memperluaskan ke masyarakat umum. Mereka berpendapat, ilmu ini perlu didedahkan kepada masyarakat agar mereka tahu al-Quran bukan sekadar mengaji tetapi ilmu yang sangat luas dan sangat menarik jika mendalaminya walaupun hanya sedikit. Mereka juga mencadangkan agar Ilmu Rasm dan Dabt ini dapat dipelajari dan diwajibkan dari peringkat sekolah menengah lagi supaya pelajar-pelajar lebih memahami ilmu ini di peringkat lebih tinggi. Ilmu ini juga dicadangkan supaya diperkenalkan di universiti awam sebagai satu pendedahan kepada mahasiswa. Ada juga dikalangan responden yang mencadangkan agar matapelajaran *Dabt* dan *Rasm* ditambah dalam syukbah lain seperti Syariah dan sebagainya.

*f) Tempoh Masa*

Tempoh masa juga merupakan antara perkara yang disentuh oleh responden. Sebanyak 3% (n=3) dari responden mencadangkan agar tempoh masa pengajaran bagi ilmu ini dipertingkatkan. Mereka juga mencadangkan supaya mengasingkan subjek Ilmu Rasm dan Dabt daripada menjadi satu subjek gabungan dan kedua-dua ilmu ini perlu dipelajari sekurang-kurangnya dua atau tiga semester serta kandungan silibus mesti dikhatamkan.

## 5. Implikasi Kajian

Hasil daripada data yang telah diperoleh, didapati terdapat beberapa faktor yang perlu ditambah baik bagi membantu meningkatkan tahap kefahaman Ilmu *Dabt* al-Quran ini. Buku rujukan mengenai *dabt* al-Quran di perpustakaan tempat pengajian dan dipasaran perlu diperbanyak dalam bahasa melayu supaya para pelajar dan masyarakat dapat merujuk pelbagai jenis kitab dan dapat mempelajari ilmu ini dengan lebih mendalam. Selain itu, memperkemas metodologi pengajaran dengan mempelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran serta pelbagai aktiviti di dalam dan di luar kelas yang berkaitan ilmu ini agar merangsang minat dan kefahaman pelajar, disamping memperbanyak penganjuran seminar atau bengkel menambah pengetahuan yang tidak diperolehi didalam kelas. Tambahan pula, kemahiran guru dan tenaga pengajar perlu ditingkatkan supaya para pelajar dapat memahami ilmu ini dengan lebih tepat dan jelas. Responden juga mencadangkan agar tempoh masa pengajaran dan pembelajaran bagi ilmu ini dipertingkatkan supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat merangkumi keseluruhan tajuk yang telah disusun dengan sempurna. Responden juga berharap agar pusat pengajian di DQ dapat dinaik taraf setaraf dengan Maahad Qiraat Syubra.

## 6. Kesimpulan

Tuntasnya, kajian di atas telah merumuskan bahawa keperluan bagi meningkatkan tahap kefahaman ilmu *Dabt* al-Quran di kalangan huffaz perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat. Diharap pihak yang terlibat cakna dan dapat memainkan peranan dalam memenuhi keperluan mereka agar ilmu ini dapat difahami, dihayati dan diaplikasi oleh semua golongan masyarakat. Mereka sangat berharap agar mereka dibantu dan dibimbing dalam memahami ilmu-ilmu yang mereka pelajari. Dari aspek pengajaran adalah bergantung kepada kualiti tenaga pengajar di dalam sesebuah institusi. Dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan, aspek pengetahuan seorang huffaz dan kandungan pedagogi perlu seiringan untuk melahirkan masyarakat yang baik. Bahkan, dalam profesion huffaz, tugas seorang huffaz bukan sahaja

menyampaikan ilmu tertentu tetapi huffaz juga berperanan sebagai pendidik manusia, justeru itu para huffaz haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisme yang menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesion perguruan. Keupayaan masyarakat juga untuk menguasai pembelajaran tidak terletak kepada tanggungjawab seorang huffaz semata-mata. Secanggih mana sekali pun kaedah dan teknik yang digunakan para huffaz tidak akan berhasil sekiranya ibu bapa tidak melibatkan diri dalam memberi penekanan pendidikan terhadap anak-anak. Masyarakat juga harus mempunyai minat yang tinggi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menguasai ilmu ini. Jika masyarakat yang terlibat tidak bermotivasi dan kurang mengulang kaji ilmu yang dipelajari, mereka pasti tidak mencapai tahap yang sepatutnya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Karim Ibrahim ‘Iwadh Saleh. (2006). *Al-Muthaffi Rasm al-Mushaf*. Tanta Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Adibah Binti Abdul Latif & Fatimah Harlina Mohd Taib, (t.t), Hubungan Tingkah Laku Kesediaan Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar.
- Ahmad bin Muhammad al-Banna (1987M/1407H). *Ittihaf Fudala’ al-Basyar*, tahlilq. Dr. Sya’ban Muhammad Ismail, juz. 1, cet. 1, Kaherah: Maktabah Kulliyyah al-Azhar.
- Ali Muhammad Dabba’. (1999). *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabit Kitab al-Mubin*. Cet 1. Kaherah: Maktabah al-Azhar li Turath.
- Bond, Trevor G, & Fox, Christine M. (2007). Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences.
- Daud Ismail dan Asyraf Hj Ab Rahman. 2016. *Mushaf Imla’i dan Implikasinya dalam Pembacaan Al-Quran*. ‘Ulum Islamiyyah Jurnal Vol 17 [jun] 2016. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Daud Ismail, Asyraf Hj Ab Rahman dan Fadzli Adam. 2005. *Dabit Mushaf Uthmani: Perkembangan, Permasalahan dan kaitannya dengan pembangunan sosial di Malaysia*. Jurnal Usuluddin. Bil 20 [2005]. Universiti Malaya.
- Dr. Asyraf Muhammad Fuad Tala’at. (2003). *Safir al-‘Alamin fi Idah wa Tahrir wa Tahbir Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabit al-Kitab al-Mubin*. jilid 1. Brunei: Universiti Brunei Darus Salam.
- Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. 2007. *Panduan Rasm Uthmani*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.
- Khairul Anuar Mohamad & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. *Kaedah Penulisan Rasm Othmani dan Keistimewaannya*. ‘Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences (Vol.4 No. 1. 2005).
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd.Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Fadzilah Binti Othman. 2010. *Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia*. Tesis Kesarjanaan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Profesor Madya Dr. Ishak Bin Baba. (2009). *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*. Geran Jangka Pendek. No. Vot: 0486. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Rosniah Mustafa. 2007. *Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM*. GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 7(1) 2007.
- Zaenal Arifin Madzkur (2014) *Harakat dan Tanda Baca Mushaf Al-Qur'an*. Vol. 7, No. 1, Suhuf. Jurnal Kajian Al-Quran. Gedung Bayt Al-Qur'an TMII, Jakarta Timur.